

27/09/1999

Persoalan di sebalik dakwaan racun

BANYAK pihak termasuk parti pembangkang dan pertubuhan serta individu antikerajaan membuat kesimpulan terlalu bahawa Datuk Seri Anwar Ibrahim diracun, meskipun pihak bertanggungjawab belum diketahui.

Oleh itu, tidak hairanlah mereka turut membuat gesaan supaya satu Suruhanjaya Siasatan Diraja dibentuk.

Perluah kita membentuk suruhanjaya itu setiap kali diminta oleh Anwar dan isterinya, peguam serta penyokong kuat mereka?

Selain itu, ada beberapa dakwaan lain kurang serius lain termasuk layanan buruk terhadap Anwar dan sikap acuh tak acuh kerajaan mengenainya.

Semua dakwaan itu, jika dipercayai, seolah-olah menggambarkan Anwar ditahan di bilik terburuk di Penjara Sungai Buloh, makanan untuknya tidak sedap langsung, keperluan asasnya diketepikan, hanya anggota keluarganya perlu melepasi 15 pintu besi ketika melawat beliau dan kesihatan Anwar kini amat teruk sejak ditahan beberapa bulan lalu.

Mungkin mereka perlu ditanya, berapa ramai daripada ribuan banduan di penjara itu dibenarkan menyimpan tin Milo sendiri dan air panas disediakan untuk membancuh minuman itu setiap malam?

Menurut sumber penjara, dalam kes Anwar, perkara itu adalah antara 31 perkara yang diberikan kepada atas cadangan perunding perubatan, dan kerana Anwar dikatakan tidak begitu suka teh dan kopi.

Tanya juga berapa ramai banduan dibenarkan tinggal sendirian dalam satu bilik sebesar sebuah pangsapuri sederhana dengan bilik mandi?

Apapun dakwaan sebelum ini, semua orang sukar mempercayai dakwaan terbaru mengenai keracunan arsenik kecuali penyokong setia Anwar. Rakyat Malaysia yang mudah percaya sekalipun akan dapat melihat kelemahan dakwaan itu.

Pertama, prosedur perubatan biasa tidak dihiraukan pihak yang menyeludup air kencing Anwar keluar dari mahkamah.

Selain itu, penyokong Anwar dan pihak bersimpati tidak menganggap penting bahawa wakil makmal berkenaan di sini hanya memberitahu Dr Wan Azizah mengenai laporan patologi itu selepas beberapa hari.

"Isunya ialah Anwar diracun ketika dalam jagaan pihak berkuasa," kata Ketua Pemuda Pas, Mahfuz Omar, seolah-olah dakwaan keracunan itu sudah disahkan.

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Dr P Krishnan, adalah orang bukan kerajaan pertama yang bercakap mengenai peraturan yang sudah ditetapkan tidak dipatuhi.

Malahan, setakat ini hanya beliau sebagai pihak berkecuali menyatakan keraguan tetapi dikritik pula sebuah persatuan doktor Islam.

Tumpuan juga perlu diberi kepada kenyataan Presiden Majlis Peguam, R R Chelvarajah, yang dibuat menjelang Persidangan Undang-Undang Komanwel di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

"Adanya cubaan mencederakan secara serius atau hingga boleh membawa maut terhadap Anwar dan dakwaan ada komplot peringkat tertinggi menyebabkan pentingnya satu siasatan terbuka dan bebas, dilancarkan," katanya.

Tentunya itu satu kenyataan bernada politik daripada wakil sebuah badan yang mendakwa tiada hubungan kait dengan politik.

Kita juga tertanya-tanya mengapa dua kumpulan pelajar, satu daripadanya tidak didaftarkan, dibenarkan mengeluarkan kenyataan politik di ibu pejabat Majlis Peguam.

Pihak lain yang mengambil jalan mudah tidak mengambil kira prosedur

termasuk Karpal Singh yang mewakili Anwar dalam perbicaraan kedua apabila memberitahu hakim Datuk Ariffin Jaka mengenai kadar arsenik anak guamnya mengikut laporan Makmal Gribbles dan menggambarkan nyawa Anwar terancam.

Mahkamah juga tidak mengemukakan soalan untuk mendapatkan pengesahan dakwaan berkenaan atau mendapatkan pandangan sumber bebas mengenai prosedur ujian atau memutuskan sama ada panel pakar perubatan bebas wajar dilantik bagi memeriksa Anwar.

Sebaliknya, Ariffin segera menengguhkan perbicaraan dan bersetuju bahawa Anwar sepatutnya dihantar ke hospital. Peguam Negara, Tan Sri Mohtar Abdullah, juga tidak membantah supaya Anwar dihantar ke Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM).

Kemungkinan orang yang mengambil contoh air kencing Anwar bukan pihak berkecuali atau contoh air kencing itu sebenarnya mungkin milik Subramaniam, 59, seperti yang diberitahu pihak Anwar kepada makmal itu, tidak pula terfikir oleh pakar perundangan kanan.

Selain itu, tarikh kelahiran pihak yang membuat rujukan dan nombor kad pengenalan tidak pula dicatat.

Bagaimanapun, ada yang sedar mengenai perkara ini iaitu Dr M Bakri Musa yang mengutus surat kepada akhbar dari California yang antaranya berbunyi:

"Maklum balas segera sememangnya diharapkan daripada pihak makmal jika satu sampel menunjukkan tahap luar biasa. Doktor yang membuat rujukan perlu diberitahu segera."

Bakri turut bertanya kepada peguam Anwar dan Dr Wan Azizah: "Bagaimana jika makmal tersilap atau bacaan keracunan itu palsu? Kadar arsenik boleh jadi terlalu tinggi jika seseorang itu makan makanan laut khususnya kupang."

Beliau juga membidas HUKM. "Dalam kes yang diberi tumpuan ramai seperti ini, semua pihak memerlukan penjelasan menyeluruh, bukan hanya kenyataan menyatakan Anwar sihat," katanya.

Satu perkara yang mungkin tidak disedari ramai pihak ialah HUKM adalah sebahagian daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), yang mana sebahagian penyokong kuat Anwar didapati di fakulti dan kalangan pelajarannya.

Oleh kerana ada golongan ini yang begitu memperjuangkan reformasi boleh menyebabkan sebarang keputusan pemeriksaan terhadap Anwar, diragui.

HUKM baru-baru ini juga menafikan ia cuba menengguh-nangguhkan keputusan pemeriksaan itu.

Apapun, Anwar tentu menganggap dirinya istimewa apabila disambut doktor sebaik tiba di HUKM. Tidak lama selepas itu, Pengarah HUKM, Datuk Dr Khalid Kadir, mengeluarkan kenyataan menggambarkan Anwar dalam keadaan baik.

Jadi, agak mengejutkan apabila beberapa hari selepas itu, sebelum Anwar dijadual hadir semula di perbicaraannya pada 20 September, Dr Khalid menghantar faks kepada mahkamah pada hujung minggu memaklumkan bahawa Anwar tidak sihat untuk menghadiri perbicaraan.

Pihak hospital juga belum menyiapkan laporan menyeluruh mengenai hasil ujian terhadap dakwaan keracunan arsenik dan menggambarkan kehadiran Anwar di mahkamah mengganggu tugasnya.

"Beliau ada darah tinggi dan pihak hospital sedang mengawasi keadaan jantungnya," kata hospital itu.

Masalah paru-paru turut disebut. Semua perkara ini muncul dalam tempoh beberapa hari, tetapi selepas Anwar dilaporkan sihat. Kini, ada pula khabar daripada hospital di Cheras itu bahawa Anwar dilihat berjalan-jalan dan berbual-bual dengan pesakit serta orang lain.

Ketika menjawab tuduhan HUKM sengaja melambat-lambatkan langkah menyiarkan keputusan pemeriksaan Anwar, Dr Khalis berkata: "Keputusan ujian masih belum siap sekali gus menyekat kami membuat kesimpulan

muktamad."

Nampaknya, keputusan keracunan arsenik itu hingga 21 September lalu tidak mencukupi sebagai bukti kukuh untuk membenarkan hakim membuat penghakiman muktamad.

Anwar juga tidak membenarkan polis mengambil contoh kuku dan rambutnya, antara lain, kerana beliau sudah memberinya kepada doktor berkenaan.

Pada masa sama, Anwar tentu bukan kes pertama yang diuruskan HUKM. Mengikut akta jenayah yang ada, contohnya, Jabatan Kimia, hanya akan menerima contoh yang diambil dengan syarat polis hadir.

Seperti dijangka, pakar kimia berkenaan menolak set sampel pertama Anwar menyebabkan beliau terpaksa bersetuju memberi set kedua.

Kita silap jika menganggap itulah kesudahannya. Fikirkan kenyataan peguam Anwar, S N Nair: "Kita perlukan masa supaya kukunya tumbuh kerana ia sudah dipotong ketika ujian pertama."

Jadi, semua 20 kuku jari dan tangan Anwar diambil sebagai contoh ujian pertama? Bagaimana juga dengan kenyataan Dr Khalid seterusnya selepas beliau berkata kesimpulan belum boleh dibuat?

"Saya boleh mengesahkan bahawa hingga sekarang belum ada bukti, berdasarkan ujian makmal yang boleh mengatakan bahawa Anwar keracunan arsenik. Pihak hospital sudah bertindak secara profesional untuk mendapatkan bukti kukuh sebelum membuat keputusan muktamad."

Adakah ketiadaan bukti daripada ujian makmal tidak mencukupi untuk HUKM membuat keputusan? Atau, adakah pihak universiti mencari alasan lain? Mana-mana doktor pun tidak akan menanggungkan penyiaran keputusan ujiannya dalam kes mengancam nyawa pesakit mereka.

Oleh itu, perlu ditekankan bahawa sekalipun Azizah berkeras tiada kelewatan memberitahu mahkamah mengenai laporan patologi di Melbourne, golongan lebih rasional di Malaysia mempersoalkannya, seperti juga Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyuarakan keraguannya.

"Jika Anwar sekeluarga percaya ada rancangan sistematik untuk membunuhnya menerusi racun sebagai sebahagian komplot peringkat tertinggi, tidakkah mereka mahu tahu seberapa segera keputusan ujian makmal itu?"

"Mengapa arahan ini tidak diberi kepada makmal itu? Adakah mereka tidak tertanya-tanya dan berusaha menghentikan penderitaan ini, jika memang benar kesihatan Anwar teruk?"

"Sekurang-kurangnya, mereka membuat panggilan kepada makmal berkenaan dan menerima faks mengenainya. Ini sepatutnya diatur oleh keluarga yang menghadapi keadaan ini. Lagipun, semuanya tentu tidak mengambil masa lebih 10 minit."

Adakah kerajaan cuai memberi perlindungan dan jagaan kesihatan kepada tahanan berprofil tinggi yang mempunyai ramai kawan di kalangan pemimpin negara Barat termasuk medianya?

Sebenarnya, perkara itu tidak mungkin berlaku kerana risikonya terlalu tinggi dan tentu membawa bencana besar. Anwar mungkin satu-satunya tahanan dalam sejarah di Malaysia yang diberi perunding perubatan eksklusif.

Sumber berkata, mendapatkan doktor yang tidak terpengaruh dengan keadaan politik dan sentiasa telus dalam perilakunya mengenai Anwar, memang rumit.

Tetapi, perlu ditekankan bahawa Kabinet sendiri mengambil inisiatif melantik doktor berkenaan untuk Anwar.

Adalah difahami bahawa perunding perubatan itu memeriksa Anwar lebih enam kali dalam tempoh beberapa bulan lalu, sama ada diminta oleh pihak penjara atau atas inisiatifnya sendiri.

Satu sumber berkata, secara kebetulannya perunding perubatan itu memeriksa Anwar pada 26 Ogos, pada hari ujian air kencing Anwar oleh makmal Melbourne diserahkan kepada wakilnya di Malaysia. Pada waktu itu, Anwar dilaporkan sihat.

Pada hari itu, Anwar dipercayai memberitahu doktor berkenaan bahawa

beliau sembelit. Adalah pelik jika ia dianggap punca keracunan kerana biasanya kesan keracunan arsenik ialah cirit-birit.

Satu sebab lagi ialah berat badan turun, satu lagi aduan yang diatasi menerusi program pemakanan doktor perunding itu.

Tidak dapat dipastikan Anwar turun berat badan selepas beliau ditahan di ibu pejabat polis Bukit Aman kerana beliau tidak dilaporkan memberi bukti menerusi dokumen berhubung berat badannya.

Tetapi, jika beliau turun berat badan, program pemakanan itu berjaya mengatasi masalah itu. Selain itu, banyak kali ketika Anwar dalam tahanan beliau menghadapi beberapa masalah kesihatan tetapi tidak semuanya ketika di Sungai Buloh.

Contohnya, ulser peptik ditemui beberapa tahun lalu ketika pemeriksaan di Hospital Universiti dan Anwar sering dirawat kerana perkara itu. Selain itu, ramai anggota keluarganya menghadapi masalah saluran pernafasan.

Jika Anwar beberapa kali mengadu sakit belakang, ia tidak ada kena mengena dengan katil tempat tidurnya tetapi kerana beliau turut bersukan ketika dalam tahanan, kata sumber.

Beberapa bekas pelajar Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK), juga tempat Anwar belajar, mendedahkan satu perkara menarik. Anwar tidak pernah diketahui terbabit dalam sebarang acara sukan ketika di MCKK.

"Saya tidak pernah melihat beliau berlari 100 meter. Mungkin beliau juga tidak pernah menendang bola," kata seorang daripada mereka.

Jadi, ketika Anwar mula menaruh minat untuk menunggang kuda dan tenis (beliau dilaporkan mencuba sepak takraw di penjara) beliau sudah berusia lewat 30-an, bukan usia untuk terbabit dalam sukan agresif seperti itu.

Satu lagi sumber turut bertanya jika doktor HUKM mempunyai agenda sendiri kerana perunding perubatan Anwar mengadu mereka tidak memberi kerjasama.

Sungguhpun perunding berkenaan memberitahu HUKM mengenai rawatannya kepada Anwar, doktor hospital itu enggan memberitahunya keadaan Anwar.

Apakah bukan menjadi tanggungjawab hospital memberitahu mahkamah dan kerajaan mengenai keadaan terkini Anwar? Jika begitu, mengapa Azizah yang mengeluarkan kenyataan mengenai perkara itu malam Jumaat lalu?

Turut membingungkan bahawa pada pagi kelmarin, seorang peguam Anwar boleh pula memberitahu Associated Press (AP), agensi berita antarabangsa, bahawa anak guamnya dibenarkan terus tinggal di HUKM sekalipun Anwar perlu hadir di mahkamah, esok (hari ini).

Pendedahan peguam itu kepada AP dibuat sebelum HUKM mengeluarkan kenyataan rasmi, pada petangnya. Jadi, HUKM perlu memperbaiki keadaan. Adalah lebih baik perbicaraan disambung segera.

(END)